

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA [ PARIT ]**

**SOALAN**

**Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [ Parit ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan :-

- (a) sejauh manakah kempen "Sayangi Minyak Sawitku" mampu memerangi kempen anti-sawit yang mengancam kehidupan rakyat; dan
- (b) apakah perancangan strategik Kerajaan dalam membantu meningkatkan pendapatan pekebun sawit di Malaysia.

**JAWAPAN (a)**

Kempen Sayangi Sawitku yang diadakan sepanjang tahun 2019 bertujuan untuk memberi kesedaran kepada rakyat Malaysia mengenai kebaikan dan khasiat minyak sawit dan juga cabaran yang dihadapi oleh komoditi sawit. Ini sebagai usaha menangani persepsi negatif terhadap industri sawit negara terutamanya kempen anti minyak sawit yang mengaitkan industri sawit sebagai penyumbang kepada penyahutan dan kemasuhan habitat hidupan liar yang memberi implikasi terhadap perdagangan minyak sawit Malaysia. Secara tidak langsung, naratif positif berkenaan industri sawit negara dapat disebarluaskan oleh rakyat Malaysia yang boleh bertindak sebagai jurucakap sawit kepada masyarakat global melalui pendekatan dengan izin '*from Malaysia, we speak to the world*' dan seterusnya meningkatkan penerimaan minyak sawit Malaysia.

Kementerian sedang menjalankan pemerhatian dan akan melakukan bincian bagi mengukur keberkesanan kempen ini dalam membantu meningkatkan industri sawit negara. Didapati pada masa ini, lebih ramai rakyat Malaysia daripada pelbagai lapisan masyarakat telah tampil untuk menyuarakan sokongan terhadap industri sawit negara termasuk pemimpin utama negara, tokoh korporat, personaliti media, ketua masyarakat, pelajar dan lain-lain. Manakala industri lain seperti penerbangan, pelancongan dan hiburan juga turut bekerjasama menjayakan kempen ini melalui penajaan dan publisiti.

**JAWAPAN (b)**

Kerajaan sedang mengambil beberapa langkah drastik untuk membantu menstabilkan harga minyak sawit untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil sawit. Antara usaha yang telah mula menampakkan hasil adalah langkah peningkatan adunan biobahan api sawit dengan diesel petroleum melalui Program Biodiesel B10 (adunan 10% biodiesel sawit dan 90% diesel petroleum).

Kerajaan akan terus menjalankan misi-misi ekonomi dan lawatan teknikal bagi meluaskan pasaran baru dan mengukuhkan pasaran sedia ada produk-produk sawit Malaysia. Kerajaan berkeyakinan melalui pendekatan hubungan mesra dan akrab dengan negara-negara luar, ianya akan memudahkan produk-produk sawit mendapat akses pasaran yang lebih meluas di negara-negara tersebut. Peningkatan eksport minyak sawit ke luar negara akan secara langsung mengukuhkan harga sawit negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga akan meneruskan strategi-strategi jangka masa panjang bagi mengukuhkan harga sawit seperti berikut:

- i. memperkuatkan pasaran eksport utama sedia ada terutamanya negara China, India, Pakistan, dan Amerika Syarikat serta mempromosi produk-produk sawit dengan lebih agresif bagi menembusi pasaran-pasaran baharu seperti di benua Afrika, Timur Tengah dan negara-negara ASEAN ;

- ii. meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam penghasilan produk-produk baharu serta memberi nilai tambah kepada produk hiliran komoditi;
- iii. meningkatkan akses pasaran yang lebih baik melalui perundingan perjanjian perdagangan bebas (FTA) dua hala dan perundingan pelbagai hala atau serantau;
- iv. meneruskan kerjasama dengan Indonesia melalui kerangka Majlis Negara-Negara Pengeluar Minyak Sawit (*Council of Palm Oil Producing Countries* atau CPOPC) untuk mencari kaedah-kaedah yang bersesuaian bagi menangani isu-isu semasa mengenai industri sawit; dan
- v. melancarkan kempen Sayangi Sawitku yang akan diadakan sepanjang tahun 2019 bertujuan untuk memberi kesedaran kepada rakyat Malaysia mengenai kebaikan dan khasiat minyak sawit dan juga cabaran yang dihadapi oleh komoditi sawit. Secara tidak langsung, kempen ini juga menggalakkan rakyat Malaysia mempertahankan komoditi sawit dan menjadi jurucakap sawit melalui pendekatan dengan izin '*From Malaysia, we speak to the world*' sebagai usaha menangani persepsi negatif terhadap industri sawit yang memberi implikasi terhadap perdagangan minyak sawit Malaysia.

Dalam hal ini, Kerajaan menjangkakan impak positif pada masa hadapan terhadap harga minyak sawit melalui usaha dan strategi yang telah dinyatakan.

Sekian, terima kasih.